

06 FEB 1997

Mahathir-MSK

PM MAHU BERI PENJELASAN LANJUT MENGENAI MSK

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersedia untuk memberi penjelasan lanjut kepada rakyat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSK).

Perdana Menteri berkata, beliau sedar masih ramai rakyat yang tidak faham mengenai projek itu kerana kurangnya penjelasan diberikan secara langsung kepada mereka.

"Kalau diizinkan oleh RTM, saya ingin adakan satu sesi untuk menerangkan apa dianya multimedia ini kerana saya sedar ramai yang tidak begitu faham apa dia MSK, apa dia zaman maklumat, teknologi maklumat kerana semua ini adalah perkataan baru.

"Bagi kebanyakan kita, termasuk saya sendiri pada mulanya tidak begitu faham apa dianya MSK ini tapi sekarang ini dok kerana terlalu banyak bercakap mengenai MSK, saya fahamlah," katanya kepada pemberita selepas rakaman perutusan Aidilfitri di Angkasapuri, di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan timbalannya, Datuk Suleiman Mohamed.

MSK, yang merangkumi kawasan seluas 15 km x 50 km persegi antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Putra Jaya di Sepang dengan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), merupakan projek multimedia raksasa pertama seumpamanya pernah dirancang di dunia.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Mohamed berkata, Kementerian Penerangan melalui RTM dan Jabatan Penerangan akan melancarkan kempen penerangan mengenai MSK secepat mungkin bagi mendedahkan rakyat kepada program kerajaan itu.

Katanya, penerangan yang jelas mengenai MSK perlu kerana penglibatan rakyat yang aktif merupakan faktor penting dalam menjayakan projek itu selaras dengan usaha Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

"Kita juga akan menjemput Perdana Menteri sebagai tetamu dalam perbincangan panel mengenai MSK secepat mungkin supaya Datuk Seri Dr Mahathir sendiri dapat memberi penjelasan kepada rakyat secara langsung," katanya.

Katanya, selain Dr Mahathir sebagai tetamu, RTM akan turut menyiarkan sesi perbincangan panel melibatkan pakar-pakar lain selepas itu bagi memastikan rakyat memahami segala aspek mengenai MSK. -- BERNAMA

AH AKD